

SOALAN LAZIM

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1	Bilakah urusan kenaikan pangkat secara <i>Time-Based</i> mula dilaksanakan?	Kenaikan pangkat mengikut <i>Time-Based</i> bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepasan Diploma (PPPLD) telah dilaksanakan sejak 01.01.1998 setelah diluluskan oleh Kabinet pada bulan Julai 1997 bertujuan untuk memperbanyakkan peluang naik pangkat kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP).
2	Bilakah urusan kenaikan pangkat secara <i>Time-Based</i> Berasaskan Kecemerlangan (TBBK) dilaksanakan?	Urusan kenaikan pangkat secara <i>Time-Based</i> Berasaskan Kecemerlangan (TBBK) berkuat kuasa mulai 1 Januari 2012 dilaksanakan tanpa kekosongan jawatan setelah PPPS/PPPLD memenuhi tempoh perkhidmatan dan tahap kecemerlangan yang ditetapkan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran (PPP) berserta syarat-syarat umum dan khusus yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, bagi pelaksanaan tahap kecemerlangan dalam tempoh peralihan mulai 1 Januari 2012 hingga 31 Disember 2012, urusan kenaikan pangkat <i>time-based</i> hanya mengambil kira markah LNPT sahaja. Surat JPA bil. JPA.BK(S)255/4/5 Jld.5(56) bertarikh 13 April 2012 adalah berkaitan.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
3	Bilakah pemakaian penilaian tahap kecemerlangan bagi PPP dikuat kuasakan?	Pemakaian penilaian tahap kecemerlangan bagi urusan kenaikan pangkat secara <i>Time-Based Berasaskan Kecemerlangan</i> (TBBK) telah ditetapkan pelaksanaannya mulai 1 Januari 2013. Walau bagaimanapun, bagi meneliti isu-isu pelaksanaannya, Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Perjawatan dan Gaji Pekerja Sektor Awam (JKK-MPGSA) Bilangan 4 Tahun 2012 yang dipengerusikan oleh Y.A.B Perdana Menteri pada 7 Disember 2012 telah bersetuju supaya tarikh kuat kuasa pemakaian kriteria kecemerlangan dalam urusan kenaikan pangkat dipinda kepada 1 Julai 2013. Surat JPA bil. JPA.BK(S)255/4/5 Jld.7(13) bertarikh 10 Januari 2013 adalah berkaitan.
4	Siapakah yang perlu melengkapkan borang penilaian tahap kecemerlangan?	PPP yang layak dipertimbangkan kenaikan pangkat mulai 1 Julai 2013 yang telah mencapai LNPT 80% dan ke atas serta memenuhi tempoh perkhidmatan yang ditetapkan iaitu 8-8-6-3 dan 8-8-5.
5	Kenapa saya perlu dinilai menggunakan Kriteria Kecemerlangan (KC) sedangkan pegawai yang layak pada 1.1.2012-30.06.2013 tidak dinilai menggunakan kriteria kecemerlangan yang sama?	PPP yang layak pada 1 Januari 2012 – 30 Jun 2013 telah diberi pengecualian daripada dinilai dengan menggunakan KC bagi tujuan meneliti isu-isu pelaksanaan yang mungkin berbangkit. Ini adalah selaras dengan keputusan Mesyuarat (JKK-MPGSA) Berhubung Penangguhan Penilaian Tahap Kecemerlangan Bagi Kenaikan Pangkat Secara <i>Time-Based Berasaskan Kecemerlangan</i> di Kementerian Pendidikan Malaysia. Mesyuarat JKK-MPGSA telah bersetuju supaya tarikh kuat kuasa pemakaian kriteria kecemerlangan dalam urusan kenaikan pangkat secara <i>Time-Based Berasaskan Kecemerlangan</i> dipinda kepada 01 Julai 2013 berdasarkan surat JPA rujukan JPA.BK(S)255/4/5 Jld.7 (13) bertarikh 10 Januari 2013.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
6	Kenapa PPP yang layak mulai 1 Julai 2013 perlu dinilai tahap kecemerlangan bagi tujuan kenaikan pangkat secara <i>TBBK</i> ?	Selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Perjawatan Dan Gaji Pekerja-Pekerja Sektor Awam (JKK-MPGSA) melalui surat JPA rujukan JPA.BK(S)255/4/5 Jld.7 (13) bertarikh 10 Januari 2013 telah bersetuju supaya tarikh kuat kuasa pemakaian kriteria kecemerlangan dalam urusan kenaikan pangkat secara <i>Time-Based Berasaskan Kecemerlangan</i> ditetapkan mulai 01 Julai 2013.
7	Bagaimanakah penilaian KC itu dilaksanakan?	Penilaian KC dilaksanakan berdasarkan empat jenis borang yang telah disediakan mengikut kategori iaitu: i)Kategori 1- Guru ii)Kategori 2 – Pensyarah iii) Kategori 3 - Ketua Jabatan/Pengetua/Guru Besar/Penolong Kanan Institusi Pendidikan iv) Kategori 4 - Pegawai di Bahagian/JPN/PPD/Institusi Pendidikan dan Agensi Lain
8	Sekiranya saya telah memenuhi tempoh perkhidmatan yang disyaratkan serta syarat-syarat lain yang ditetapkan, bagaimanakah saya boleh mengisi borang penilaian KC?	Bagi PPP yang telah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat perlu merujuk perkara tersebut kepada Ketua Jabatan/urus setia kenaikan pangkat di Jabatan masing-masing untuk mendapatkan maklumat mengenai KC.
9	Saya telah dinilai menggunakan Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) dan mendapat markah yang cemerlang iaitu 95%? Adakah saya perlu dinilai tahap kecemerlangan?	Ya, PPP yang telah mencapai LNPT yang telah ditetapkan adalah perlu dinilai menggunakan KC kerana penilaian KC merupakan salah satu syarat khusus kenaikan pangkat TBBK.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
10	Adakah kenaikan pangkat secara TBBK mengisi jawatan kenaikan pangkat?	Tidak, kenaikan pangkat secara TBBK dilaksanakan tanpa memerlukan kekosongan jawatan.
11	Adakah penilaian KC perlu dilaksanakan ke atas pegawai yang sepatutnya layak dinaikkan pangkat sebelum atau pada 30 Jun 2013 tetapi masih belum dinaikkan pangkat (cicir)?	Tidak, penilaian KC hanya akan digunakan bagi PPP yang layak untuk dinaikkan pangkat mulai 01 Julai 2013 dan ke atas. Tindakan boleh diambil terhadap Ketua Jabatan yang cuai dalam melaksanakan tanggung jawabnya.
12	Siapakah yang patut diberi keutamaan penilaian KC pada tahun 2013?	Terdapat dua (2) Fasa pelaksanaan KC pada tahun 2013 iaitu: Fasa 1 : PPP yang layak pada 01 Julai 2013 hingga 30 September 2013; dan Fasa 2 : PPP yang layak pada 01 Oktober 2013 hingga 31 Disember 2013. <i>Keutamaan hendaklah diberi kepada Fasa 1.</i>
13	Adakah PPP yang tidak mencapai LNPT yang ditetapkan layak untuk mengisi Borang KC?	Tidak. Hanya PPP yang mencapai LNPT seperti yang ditetapkan layak untuk dinilai menggunakan Borang KC.
14	Berapakah markah wajaran LNPT dan markah wajaran KC yang digunakan dalam penilaian KC?	Markah wajaran LNPT adalah 60% dan KC adalah 40%.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
15	Bagaimana kedudukan saya sekiranya markah LNPT cemerlang. Tetapi markah KC saya hanya di tahap yang memuaskan (kurang 70%).	PPP tidak diperakuan untuk kenaikan pangkat kerana markah minimum KC adalah 80%.
16	Adakah pegawai yang mengambil Cuti Tanpa Gaji (CTG), Cuti Separuh Gaji (CSG), Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP), Cuti Belajar Tanpa Gaji (CBTG) dan Cuti Belajar Separuh Gaji (CBSG) layak dinilai menggunakan KC?	Pegawai yang mengambil CTG, CSG, CBBP, CBTG dan CBSG boleh dinilai menggunakan dokumen sokongan sebelum dan selepas cuti diambil.
17	Sekiranya saya berkhidmat kurang daripada 6 bulan di tempat baharu, siapakah yang akan menilai?	Ketua Jabatan di tempat lama akan menilai PPP. Perakuan melalui ePangkat akan dilaksanakan oleh Ketua Jabatan yang baru.
18	Sekiranya saya berkhidmat lebih daripada 6 bulan di tempat baharu tetapi dokumen sokongan tidak mencukupi, adakah saya boleh menggunakan dokumen sokongan dari tempat bertugas terdahulu?	PPP boleh menggunakan dokumen sokongan di tempat bertugas terdahulu sekiranya dokumen di tempat baharu tidak mencukupi.
19	Sekiranya saya berkhidmat lebih daripada 6 bulan di tempat baharu tetapi dokumen sokongan tidak mencukupi untuk dinilai kerana bidang tugas yang berbeza, adakah saya perlu mengisi borang yang berbeza mengikut kategori borang?	PPP perlu mengisi dua (2) kategori borang dan mengemukakan dokumen sokongan berdasarkan bidang tugas berkaitan.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
20	Apakah dokumen sokongan yang perlu dikemukakan semasa penilaian KC?	<p>PPP perlu mengemukakan dokumen sokongan mengikut bidang tugas masing-masing.</p> <p>Contohnya, borang kategori 1: Guru boleh mengemukakan Rekod Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dan sijil-sijil pencapaian dalam tempoh pengajaran dan pembelajaran sebagai dokumen sokongan.</p>
21	Adakah salinan dokumen sokongan perlu disahkan? Siapakah yang layak untuk membuat pengesahan tersebut?	Ya. Dokumen perlu disahkan oleh Ketua Jabatan/Penyelia.
22	Siapakah ahli Panel Penilai yang menilai PPP dalam penilaian KC?	Panel Penilai terdiri daripada tiga (3) orang ahli . Keahlian panel sila rujuk Lampiran D di Garis Panduan Pelaksanaan Penilaian Tahap Kecemerlangan Bagi Urusan Kenaikan Pangkat Secara <i>Time-Based</i> Berasaskan Kecemerlangan Bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).
23	Adakah borang penilaian perlu ditandatangani oleh Ketua Penilai sahaja atau ketiga-tiga penilai?	Ketua Penilai, Penilai Pertama dan Penilai Kedua mesti menandatangani borang penilaian setelah skor diberi.
24	Adakah borang penilaian diisi secara berasingan oleh ketiga-tiga panel penilai atau menggunakan satu (1) borang sahaja?	Ketiga-tiga ahli panel hanya perlu menggunakan satu (1) borang dalam penilaian KC.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
25	Apakah yang dimaksudkan dengan tugas khas dan sumbangan profesional?	Tugas khas dan sumbangan profesional - selain dari tugas hakiki (contohnya Guru Penasihat Kelab/Persatuan, Pemeriksa kertas jawapan peperiksaan, pengawas peperiksaan)
26	Adakah peringkat pencapaian di dalam tugas khas dan sumbangan professional memberi impak kepada pemarkahan?	Ya.
27	Adakah Panel Penilai perlu menemu bual Pegawai Yang Dinilai (PYD) semasa sesi penilaian diadakan?	Tidak. Walau bagaimanapun, Panel Penilai boleh menemu bual PYD bagi tujuan verifikasi ketepatan maklumat borang dan dokumen sokongan jika perlu.
28	Saya tidak berpuas hati dengan keputusan Panel Penilai Kecemerlangan. Bolehkah saya membuat rayuan? Bagaimanakah cara untuk saya berbuat demikian?	PPP boleh membuat rayuan dengan mengisi Borang Rayuan seperti di Lampiran E kepada Garis Panduan Pelaksanaan Penilaian Tahap Kecemerlangan Bagi Urusan Kenaikan Pangkat Secara <i>Time-Based</i> Berasaskan Kecemerlangan Bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).
29	Bilakah keputusan penilaian KC akan dimaklumkan kepada PPP?	Ketua Jabatan memaklumkan kepada PPP keputusan penilaian dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh penilaian selesai dilaksanakan.
30	Bilakah keputusan kenaikan pangkat akan dimaklumkan kepada PPP?	PPP boleh menyemak keputusan kenaikan pangkat secara atas talian 10 hari dari tarikh Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran (LKPPP) bersidang.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
31	Bagaimanakah penilaian pegawai interim di PPD dijalankan?	Pegawai interim di PPD dinilai mengikut gred hakikinya. Ketua Jabatan di PPD akan memperakukan kenaikan pangkat pegawai dalam sistem ePangkat.